

IGP: Polis bukan dalang cuba bakar rumah Mat Sabu
The Malaysian Insider
21 September , 2011

KUALA LUMPUR, 21 Sept – Polis Diraja Malaysia (PDRM) Rabu menafikan dakwaan anak lelaki Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu iaitu Ahmad Saiful Islam, 23, bahawa polis menjadi dalang dalam cubaan membakar rumah mereka.

Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar berkata polis bersifat profesional dalam menjalankan kerja mereka.

“Orang menuduh polis macam-macam jadi timbanglah sendiri, pada saya bila satu kejadian berlaku, kita adalah satu agensi yang telah menekankan selama ini dan akan datang, bahawa kami agensi profesional,” katanya dipetik Bernama Online.

“Kita bersikap terbuka dan adil dengan semua pihak,” katanya selepas Majlis Pelancaran Triaj PDRM di Balai Polis Travers.

Rumah Mohamad atau dikenali sebagai Mat Sabu cuba dibakar oleh individu tidak dikenali selepas disimbah cecair dipercayai minyak tanah, tengah malam semalam.

Bagaimanapun, dalam kejadian pukul 12.40 tengah malam itu, rumah teres dua tingkat di Jalan Belat 19/32C, Seksyen 19 tidak mengalami kerosakan teruk, sebaliknya hanya sebahagian daripada pintu pagar yang terjejas.

Anak kedua Mat Sabu, Nurul Huda Mohamad, 28, berkata ketika kejadian bapanya tiada di rumah kerana menghadiri program di Pulau Pinang manakala ibunya, Normah Alwi, 57, berada di Perlis kerana sedang menjaga datuk dan neneknya yang sedang sakit.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/igp-polis-bukan-dalang-cuba-bakar-rumah-mat-sabu/>